

WARTA 16 – 2002



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 25

12 Disember 2002

TAMBAHAN No. 69
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 374.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

MENURUT subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 503] Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan, setelah berbincang dengan Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak, membuat fatwa seperti yang berikut:

[Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah Pimpinan Syeikh Nazim]

Tariqat Naqsyabandiah Al-Aliyyah di bawah pimpinan Syeikh Nazim bertentangan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menyeleweng daripada ajaran Islam. Pengamal ajaran ini dikehendaki segera bertaubat.¹

Bertarikh 20 November 2002

[PMWP/100/20; PN(PU²)530/II]

DATUK HJ. MD. HASHIM BIN HJ. YAHAYA,

Mufti,

Wilayah-Wilayah Persekutuan



¹ Nama sebenar beliau Mehmet Nazim Adil. Lahir pada 21 April 1922 di Cyprus. Beliau berpindah ke Istanbul pada tahun 1940 dan mempelajari kejuruteraan kimia di University Istanbul sebelum menjadi guru pimpinan tariqat. Beliau mengambil dan mempelajari tariqat Naqshabandi daripada Abdullah al-Faizi Al-Daghestani ketikamana beliau menziarahi Damsyik pada tahun 1945. Beliau meninggal pada 17 April 2017 di Lefka, Cyprus ketika umurnya 92 tahun. Antara anak muridnya yang terkenal menyebarkan ajaran ini ialah Syeikh Hisyam Kabbani.